

BAH

Mahathir - Ekonomi

PERTUMBUHAN EKONOMI SABAH RENDAH BERBANDING NEGERI LAIN

KOTA KINABALU, 1 Feb (Bernama) - Sabah merupakan antara negeri yang amat rendah pertumbuhan ekonominya berbanding beberapa negeri di Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Sabah hanya mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi empat peratus sahaja sedangkan negara secara keseluruhannya mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sehingga sembilan peratus sejak beberapa tahun kebelakangan.

Malahan beberapa negeri seperti Johor, Melaka dan Kedah berupaya mencatatkan peratus pertumbuhan melebihi daripada kadar pertumbuhan purata negara, katanya.

"Pertumbuhan ekonomi yang lembab di Sabah berpunca daripada kegiatan politik yang tidak betul, yang ada "personal quarrel" dalam perjalanannya dan bukannya bertumpu kepada cara untuk majukan negara," katanya pada jamuan anjuran Gabungan Dewan Perniagaan Tionghua Sabah dan Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah di sini.

Beliau berkata hanya kerjasama yang erat dengan kerajaan persekutuan sahaja yang akan dapat membantu Sabah untuk maju setanding dengan negeri-negeri lain di sini. -- Lagi

▼01/02/00-35MST

R GB 01-02 00134 BC875

BAH

Mahathir - Ekonomi 2 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata perkara yang paling penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi ialah kestabilan yang akan hanya diperolehi menerusi kerjasama dengan kerajaan persekutuan.

Katanya, tiada siapa yang ingin melabur modal untuk berniaga dalam sesebuah negara yang keadaan politiknya tidak stabil.

Beliau seterusnya berkata sentimen Sabah untuk orang Sabah sengaja dibangkitkan untuk menimbulkan kemarahan penduduk tempatan bagi menutup kelemahan pentadbiran.

"Orang Sabah malah bukan hanya mempunyai hak ke atas negeri Sabah sahaja, malah mereka juga mempunyai hak ke atas negara Malaysia dan kebencian kepada kerajaan pusat tidak akan membawa sebarang keuntungan" katanya.

Beliau berkata kerajaan persekutuan tidak pernah berniat buruk terhadap orang Sabah malah mahu melihat ia maju dan makmur dengan keadaan politik yang stabil.

Dr Mahathir mengakui satu ketika dulu orang Cina di Sabah tidak puas hati dengan kerajaan Barisan Nasional yang membuat mereka mengambil keputusan menarik diri daripada menyokong kerajaan.

Beliau berkata namun kini mereka telah sedar apabila kerajaan yang dipilih mereka tidak mampu untuk meningkatkan taraf pertumbuhan ekonomi setelah diberi mandat selama sembilan tahun untuk memerintah negeri.

Katanya, bagi kaum Bumiputera pula hanya kerajaan persekutuan sahaja yang banyak membantu sehingga ramai dari kalangan Bumiputera kini berjaya dalam bidang ekonomi.

Antara kira-kira 500 tetamu yang hadir pada majlis malam itu ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Sakaran Dandai, para pegawai kanan kerajaan persekutuan serta para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Rombongan Perdana Menteri yang berada di sini untuk lawatan selama dua hari dijadualkan bertemu dengan ketua-ketua jabatan serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional Sabah sebelum pulang ke Kuala Lumpur esok. -- Bernama

AZH CR